

24/02/2001

Kuota khas seimbang album tempatan, import

KERAJAAN disaran mewujudkan kuota khas bagi memastikan keseimbangan antara karya muzik tempatan termasuk album Melayu, Cina dan India dengan produk import.

Timbalan Pengarah Pembangunan Pusat Kebudayaan Universiti Malaya (UM), Zubir Ali, berkata ia bagi mengelak industri muzik tanah air terutama pasaran album dimonopoli karya muzik luar negara.

"Ia berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara. Kita kehilangan berjuta-juta ringgit setiap tahun berikutan pengaliran wang ke luar negara.

"Sebahagian besarnya bagi membayar royalti karya muzik luar. Sampai bila kita harus membiarkan perkara ini terus berlaku," katanya.

Zubir berkata, kerajaan perlu lebih proaktif memantau sebarang bentuk karya muzik luar negara yang menyerapkan unsur negatif.

"Kita boleh bersikap terbuka dalam hal ini tetapi mesti ada batasan. Lagipun, ia membabitkan aspek jati diri, akhlak dan moral anak muda yang kebanyakannya pembeli utama album Barat.

"Kita tidak mahu anak muda terus terpengaruh dengan gejala negatif yang disebarkan menerusi karya muzik. mereka perlu disedarkan segera mengenai perkara ini," katanya.

Zubir turut menyarankan remaja tidak terlalu mengagungkan artis Barat dan lagu mereka.

"Saya menyarankan diperbanyak muzik tempatan supaya pendengar mempunyai pilihan. Namun, ia mestilah berkualiti dan menepati cita rasa antarabangsa," katanya.

Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan Hari Patriotisme Alaf baru di Stadium Melawati, Shah Alam, berkata anak muda perlu peka terhadap unsur negatif yang dimuatkan dalam karya muzik terutama dari Barat.

"Ada penyanyi rap yang menyanyikan lagu kisah mencekik teman wanitanya dan kemudian mengurungnya dalam bonet kereta, selain melakukan pelbagai perkara buruk ke atas ibunya.

"Kita tidak boleh bertolak ansur dengan karya muzik negatif sebegini," kata Perdana Menteri merujuk penyanyi popular antarabangsa, Eminem yang turut menerima kecaman hebat di Barat.

Dr Mahathir mengingatkan belia berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan kesan negatif budaya asing yang disebarkan menerusi saluran media termasuk muzik, filem dan Internet.

Sementara itu, Hashim Said atau lebih dikenali sebagai S Atan berkata, orang ramai tidak sepatutnya menganggap kenyataan Perdana Menteri itu sebagai gambaran kerajaan berfikiran tertutup berhubung isu berkenaan.

Beliau berpendapat, kerajaan berfikiran terbuka, malah ia terbukti menerusi pendirian kerajaan tidak mengharamkan karya muzik berunsur negatif.

"Namun, semua perlu ada batasannya. Terpulang kepada kita untuk berfikir dengan bijak. Kita perlu mencontohi perkara yang baik. Jika artis dan lagu Barat bersifat keterlaluan, ia hanya mendatangkan kesan buruk kepada generasi muda. Janganlah kita menjadi pak turut.

"Kita tahu ada sesetengah karya muzik Barat menyelitkan budaya kuning seperti bahasa kesat, mencarut, penyalahgunaan dadah, seks rambang dan gangsterism.

"Sejak dulu perkara ini berlaku. Contohnya, Smoke On The Water yang

dipopularkan oleh Deep Purple. Secara terang, ia menceritakan soal ganja. Jadi, kita perlu peka dan mengkaji seni kata lagu itu.

"Kita juga boleh lihat di sana sini ada budaya punk, skinhead dan neo Nazi. Anak muda kita sekadar menjadi pak turut dan belum tentu memahami asal usul budaya itu sendiri," katanya.

Penulis lirik lagu Cindai, Hairul Anuar Haron, berpendapat isu yang semakin hangat diperkatakan itu lebih bertumpu kepada kandungan lagu berbanding susunan muziknya.

"Susunan muzik seperti yang dibawakan Eminem dan Limp Bizkit boleh diterima kerana bersifat universal tetapi ia dicemari liriknya.

"Dalam hal ini, pihak terbabit perlu mengkaji dan mengawasi produk seni yang dibawa masuk ke negara ini jika tidak mahu budaya negatif menular ke dalam jiwa rakyat.

"Perlu diingatkan, muzik memang besar pengaruhnya kepada masyarakat. Kerajaan perlu memantaunya dengan berkesan," katanya.

Hairul menyarankan diwujudkan badan khas seperti Lembaga Penapisan Filem (LPF) bagi membendung masalah itu.

"Jika industri perfileman mempunyai LPF, industri muzik memerlukan badan yang benar-benar mengawasi kandungan album dan lagu yang diimport," katanya.

Bagaimanapun katanya, golongan muda tidak seharusnya dipersalahkan 100 peratus jika mereka mengagungkan karya muzik Barat.

(END)